



# LAPORAN TAHUNAN MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU **2019**

[www.mbjb.gov.my](http://www.mbjb.gov.my)

"Johor Bahru Bandar Raya Bertaraf  
Antarabangsa Berbudaya dan Lestari"





MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



# LAPORAN TAHUNAN MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU **2019**

[www.mbjb.gov.my](http://www.mbjb.gov.my)

"Johor Bahru Bandar Raya Bertaraf  
Antarabangsa Berbudaya dan Lestari"



## DIREKTORI TELEFON MBJB

JABATAN/ BAHAGIAN	NO. TELEFON	JABATAN/BAHAGIAN	NO. TELEFON
PEJABAT DATUK BANDAR	07-228 2600	JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN	07-219 8241
PEJABAT SETIAUSAHA	07-228 2626	JABATAN PERANCANG (KAWALAN PERANCANGAN)	07-219 8217
PEJABAT TIMBALAN SETIAUSAHA	07-228 2510	JABATAN PERANCANG (RANCANGAN PEMAJUAN & PENGANTARABANGSAAN)	07-219 8245
UNIT ADUAN	07-228 2532	BAHAGIAN SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI (GIS)	07-219 8197
TALIAN ADUAN	07-219 8000	JABATAN KAWALAN BANGUNAN	07-219 8119
TALIAN BEBAS TOL	1-300-88-0146	BAHAGIAN PENGUATKUASAAN BANGUNAN	07-219 8206
BAHAGIAN KORPORAT & PERHUBUNGAN AWAM	07-219 8055	BAHAGIAN PROJEK BANGUNAN	07-219 8145
BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT	07-219 8070	JABATAN KERJA AWAM (BAHAGIAN KERJA AWAM)	07-219 8101
JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT	07-219 8039	BAHAGIAN SALIRAN	07-219 8125
BAHAGIAN PELESENAN	07-219 8289	BAHAGIAN JALAN	07- 219 8135
BAHAGIAN PELESENAN (IKLAN)	07-219 8297	JABATAN PENGUATKUASAAN	07-227 1041
BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)	07-219 8273		
UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)	07-219 8285		
BAHAGIAN HASIL	07-219 8028		
BAHAGIAN PERBELANJAAN	07-219 8091		
BAHAGIAN UKUR BAHAN	07-219 8042		
JABATAN PENILAIAN (PEJABAT PENGARAH & PENSWASTAAN)	07-219 8225		
JABATAN PENILAIAN (UNIT TUNGGAKAN CUKAI HARTA)	07-219 8233		
JABATAN PENILAIAN (UNIT TEKNIKAL/UNIT PENILAI)	07-219 8232		
JABATAN PENILAIAN (PENGURUSAN HARTA)	07-219 8219		
BAHAGIAN SUMBER MANUSIA	07-219 8184		
UNIT DASAR, INOVASI & LATIHAN	07-219 8159		
UNIT HAL EHWAL ISLAM	07-219 8210		
BAHAGIAN PENTADBIRAN	07-219 8170		
BAHAGIAN UNDANG-UNDANG	07-219 8256		
BAHAGIAN AUDIT DALAM	07-219 8268		
UNIT INTEGRITI	07-219 8117		
UNIT MESYUARAT	07- 219 8022		

## KANDUNGAN

4	PERUTUSAN DATUK BANDAR
5	PENGENALAN
6	VISI, MISI & OBJEKTIF STRATEGIK
7	OBJEKTIF & FUNGSI
8	STRUKTUR & KELUASAN PENTADBIRAN
10	AHLI MAJLIS MBJB
12	PENGURUSAN MBJB
14	CARTA ORGANISASI MBJB
15	JABATAN PENGURUSAN
43	JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
65	JABATAN KEJURUTERAAN
77	JABATAN BANGUNAN
89	JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN
97	JABATAN LANDSKAP
105	JABATAN KEWANGAN
111	JABATAN KESIHATAN
123	JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA
137	JABATAN PELESENAN
143	JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
155	JABATAN PENGUATKUASAAN

## SIDANG PENGARANG

### PENAUNG

Dato' Haji Adib Azhari bin Daud  
Datuk Bandar

### PENASIHAT

Abdul Malik bin Haji Ismail  
Setiausaha Majlis Bandaraya Johor Bahru

Ir. Hajah Nazatul Shima binti Mohamad  
Timbalan Setiausaha Majlis Bandaraya Johor  
Bahru

### KETUA PENGARANG

Fadzlini binti Abdul Malek  
Pengarah Korporat & Perhubungan Awam

### AHLI REDAKSI

Hidayah binti Yusof  
Nurul Shafina Shaari  
Norasmah binti Mohd Adros

### SIDANG REDAKSI:

### JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

Norani binti Alwi  
Nur Aisyah binti Mohtar  
Hamidah binti Brahim @ Zol

### JABATAN KEJURUTERAAN

Mohamad Noor Reduan bin Mohd Sani  
Mohd Firdaus bin Mohamed

### JABATAN BANGUNAN

Norashikin binti Samion  
Siti Zanariah binti Yusof

### JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA

Efaliza binti Abu Bakar  
Yusran bin Hassan  
Muhamad Khalieq bin Razli

### JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN

Mohd Shamsul bin Abdullah  
Shafiza binti Mohd Fadil  
Nurfarahin binti Hussin  
Masrazilah binti Raban  
Mohd Anariza bin Mohd Noor  
Zabiratul Azra binti Mohd Najib

### JABATAN LANDSKAP

Bambang Suherman bin Bambang Sukocho

### JABATAN KEWANGAN

Nurul Ajilah binti Rodzuan  
Siti Salwani binti Ali

### JABATAN KESIHATAN

Dr. Muhamad Khairi bin Sulaiman  
Ts. Mohd Faizal bin Hassan

### JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT

Mohd Syazwan bin Abdul Rauf  
Muhammad Aszat bin Asmadi  
Norazura binti Ab Wahab

### JABATAN PELESENAN

Nur Azimah binti Yahaya

### BAHAGIAN PENGUATKUASAAN

Mohd Nor Azmi bin Md Yunos

### BAHAGIAN INTEGRITI

Norhashimah binti Omar

### BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)

Mazlan bin Musa

### UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)

Che Wan Mohd Rapanah bin Che Wan  
Embong

### BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM

Mohamad Rashid bin Selamat

### BAHAGIAN UNDANG-UNDANG

Siti Khadijah binti Rappa

### BAHAGIAN AUDIT

Juliana binti Esahak

### URUS SETIA

Unit Penerbitan,  
Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam,  
Majlis Bandaraya Johor Bahru.

**Dicetak dan diterbit pada tahun 2020.**

**HAK CIPTA TERPELIHARA.** Sebarang bahagian dalam penerbitan buku ini tidak boleh diulang cetak atau disiarkan, dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru.

## **PERUTUSAN DATUK BANDAR JOHOR BAHRU**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam sejahtera dan salam bandar raya,

Syukur Alhamdulillah, saya ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, *Laporan Tahunan Majlis Bandaraya Johor Bahru 2019* ini berjaya diterbitkan. Ucapan syabas dan tahniah saya ucapkan kepada sidang redaksi yang telah menjayakan penerbitan buku laporan ini.

Diharapkan agar penerbitan buku ini dapat memberi impak positif kepada pembaca untuk mengetahui laporan dan aktiviti yang dianjurkan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB). Selain itu, maklumat mengenai prestasi dan pencapaian melalui aktiviti yang dilaksanakan setiap jabatan dan bahagian di MBJB boleh diketahui berdasarkan analisa ringkas data dan statistik dalaman melalui pelaporan data jabatan.

MBJB kini telah mencapai usia 26 tahun dan seiring pertambahan usianya, dapat dilihat perubahan bentuk pembangunan fizikal dan sosial bandar raya Johor Bahru yang ketara. Saya berasa amat berbesar hati apabila diberi mandat dan tanggungjawab untuk meneraju MBJB dalam memusatkan lagi pembangunan bandar raya Johor Bahru dan saya ingin menyatakan komitmen saya untuk memacu MBJB di landasan yang tepat dalam merealisasikan visi MBJB iaitu 'Johor Bahru Bandar Raya Bertaraf Antarabangsa, Berbudaya dan Lestari'.

Akhir kata, saya menyeru seluruh warga kerja MBJB agar terus menuaikan tanggungjawab yang telah diamanahkan dengan penuh integriti, cekap dan berkualiti untuk menghasilkan kerja yang cemerlang bagi memastikan warga bandar raya Johor Bahru dapat menikmati perkhidmatan yang terbaik daripada MBJB. Semoga mendapat rahmat dan keberkatan daripada Ilahi. Insya-Allah.

Sekian, terima kasih.

Mesra, Berkhidmat, Jujur, Berbakti

YB Dato' Haji Adib Azhari bin Daud



## PENGENALAN

Johor Bahru mula dibuka pada 10 Mac 1855 oleh Temenggung Daeng Ibrahim. Kedudukannya yang strategik di selatan Semenanjung Malaysia menjadikannya bandar raya ‘pintu masuk’ utama ke negara ini melalui Singapura. Johor Bahru menikmati iklim tropika dengan perubahan suhu harian pada 24 darjah Celsius hingga 32 darjah Celcius. Johor Bahru mudah dihubungi dengan bandar-bandar lain di negara ini melalui rangkaian jalan raya serta pengangkutan laut dan udara. Jarak antara Johor Bahru dengan bandar raya Kuala Lumpur adalah lebih kurang 375 kilometer dan hanya kira-kira 1.5 kilometer dengan Singapura yang dihubungi oleh Tambak Johor.

Sejarah Majlis Bandaraya Johor Bahru bermula dengan penubuhan Jabatan Lembaga Bandaran pada tahun 1910 yang berfungsi untuk memungut hasil cukai rumah, lesen perniagaan, pasar dan permit barang. Kewujudan jabatan ini memperlihatkan kemajuan Johor Bahru sebagai pusat perkembangan ekonomi di selatan Semenanjung Malaysia, daripada laporan yang dibuat oleh J. Griffiths pada 1914 yang membuktikan berlakunya peningkatan ekonomi Johor Bahru.

Pada 1 April 1977, Johor Bahru telah dinaikkan ke taraf perbandaran hasil penyusunan semula penguasa-penguasa tempatan dalam negeri Johor sebagaimana peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976. Kerajaan juga telah memperluaskan kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Johor Bahru daripada 65 km persegi kepada 119.5 km persegi, pertambahan sebanyak 54.5 km persegi yang merangkumi dua buah majlis tempatan iaitu Majlis Tempatan Pandan dan Majlis Tempatan Kangkar Tebrau.

Bandar Raya Johor Bahru telah dianugerahkan taraf ‘bandar raya’ pada 1 Januari 1994 setelah memenuhi syarat dan kriteria utuk kenaikan taraf tersebut. MBJB diberi kuasa menerusi Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan beberapa akta lagi untuk melaksanakan tanggungjawabnya. Pentadbiran MBJB diterajui oleh seorang Datuk Bandar serta dibantu oleh 24 orang Ahli Majlis yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri.

## VISI

Johor Bahru Bandar Raya Bertaraf Antarabangsa  
Berbudaya dan Lestari

## MISI

**1**

Mengukuhkan peranan organisasi sebagai pemacu dan pemudah cara strategik untuk semua pihak berkepentingan.

**2**

Memastikan pembangunan bandar raya yang mampan, sejahtera dan makmur serta tinggi jati diri budaya.

**3**

Menyediakan sistem penyampaian yang cekap, tadbir urus berkredibiliti tinggi, pengurusan sumber yang berkesan dan teknologi berinovasi untuk manfaat warga bandar raya.

## OBJEKTIF STRATEGIK

(2016-2020)

**O.S 1** Tadbir Urus Berkualiti, Berintegriti Tinggi dan Modal Insan Yang Kompeten.

**O.S 2** Pengukuhan Kewangan dan Kemampaman Pertumbuhan Ekonomi Bandar Raya.

**O.S 3** Menerapkan Penggunaan Teknologi Baharu Melalui Inovasi Berterusan.

**O.S 4** Perkhidmatan, Kemudahan dan Infrastruktur Yang Berkualiti.

**O.S 5** Sejahtera dan Makmur Berteraskan Nilai-Nilai Kerohanian dan Kemasyarakatan Yang Tinggi.

**O.S 6** Memacu Penyertaan Awam Yang Interaktif dan Inklusif Dalam Memperkasa Pembangunan.

**O.S 7** Keseimbangan Pembangunan dan Kelestarian Alam Sekitar.

## OBJEKTIF

1. Meningkatkan kecekapan pengurusan dan pentadbiran.
2. Meningkatkan mutu perkhidmatan dan kemudahan penduduk.
3. Memastikan perancangan pembangunan yang teratur dan seimbang serta mengekalkan kualiti kebersihan persekitaran.
4. Meningkatkan persekitaran bandar raya dan kawasan rekreasi.
5. Meningkatkan infrastruktur untuk kepentingan penduduk seperti rangkaian jalan raya, sistem lalu lintas, perparitan dan pembetungan.
6. Menyediakan dan menyelenggara kemudahan-kemudahan awam yang terdiri daripada tempat-tempat perniagaan, kemudahan, sukan, kebudayaan, perpustakaan dan lain-lain.

## FUNGSI

1. Perancangan dan kawalan pembangunan termasuk menyediakan pelan struktur.
2. Pengeluaran dan pengawalan lesen perniagaan, penjaja dan pengiklanan.
3. Pengindahan bandar raya.
4. Perkhidmatan kesihatan, kawalan mutu makanan, kebersihan pusat makanan dan kawalan penyakit berjangkit.
5. Pembinaan dan penyelenggaraan jalan.
6. Pengurusan lalu lintas dan pengangkutan awam.
7. Penyelenggaraan sistem saliran dan kebersihan alam sekitar.
8. Penyediaan dan penyelenggaraan kemudahan awam seperti pasar, gerai, kompleks sukan, perhentian bas, dewan dan perpustakaan.
9. Kutipan hasil cukai harta berdasarkan senarai nilaiann yang disediakan bagi pegangan-pegangan bercukai dalam pentadbiran majlis.
10. Pengurusan sumber manusia.
11. Perkhidmatan sokongan dan pengurusan.

## Struktur Pentadbiran

Pentadbiran Majlis Bandaraya Johor Bahru diketuai oleh Datuk Bandar yang bertindak sebagai Ketua Pegawai Eksekutif. Seramai 24 orang Ahli Majlis yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri untuk membantu Datuk Bandar khususnya dalam membuat dasar-dasar. Setiausaha pula memainkan peranan membantu Datuk Bandar dalam urusan pentadbiran harian. Sebanyak 10 buah jabatan telah dibentuk berdasarkan fungsi perkhidmatan yang diberikan manakala lima bahagian lagi diletakkan di bawah pengawasan Datuk Bandar.

### Perkhidmatan Utama

Perkhidmatan-perkhidmatan utama yang diberikan oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru merangkumi perkara-perkara berikut:


Perkhidmatan-Perkhidmatan Utama MBJB:

BIL.	PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN UTAMA
1.	Perancangan bandar
2.	Pengawalan pembangunan
3.	Pengurusan cukai harta
4.	Pengurusan kewangan
5.	Pengawalan perniagaan
6.	Pembinaan dan penyelenggaraan kemudahan awam
7.	Penyediaan dan penyelenggaraan kemudahan awam
8.	Pengurusan lalu lintas
9.	Pengindahan bandar raya
10.	Pengurusan kebersihan
11.	Kesihatan awam
12.	Sosial, sukan, kebudayaan dan pelancongan
13.	Korporat dan hal ehwal awam
14.	Pesuruhjaya bangunan
15.	Penguatkuasaan undang-undang
16.	Khidmat pengurusan

Kronologi Perkembangan Kawasan Pentadbiran MBJB:

BIL.	STATUS	TAHUN	KELUASAN (KM PERSEGI)
1.	Lembaga Bandaran	1933	12.12
		1949	13.85
2.	Majlis Bandaran	1956	48.99
		1962	68.42
3.	Majlis Perbandaran	1977	119.50
		1990	120.00
4.	Majlis Bandaraya	1994	186.00
		2000	220.00
		2016 hingga kini	373.18

## PELAN SEMPADAN AHLI MAJLIS MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



**AHLI MAJLIS MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU**  
(15 Julai 2018 - 31 Disember 2019)



**EN. YAP CHEE HOW**

ZON TAMAN PELANGI



**EN. FEBRIUS SIM KEEPOH**

ZON BANDAR



**EN. TAN JUN LIANG**

ZON JOHOR JAYA



**EN. SAIFULANUAR BIN YAHYA**

ZON KANGKAR DAYA



**PN. HJH ZAINAH  
BINTI ABD. HAMID**

ZON KEMPAS



**EN. ABD AZIZ BIN ABD TALIB**

ZON DATO' ONN



**EN. MOHD SALLEH  
BIN AHMAD**

ZON LARKIN



**EN. TAN PENG CHYE**

ZON PERMAS JAYA



**EN. ROSLI BIN KEMIN**

ZON KAMPUNG MELAYU



**EN. ABDULLAH BIN IDERIS**

ZON TAMPOI



**EN. AMINUDDIN BIN AYIUB**

ZON TELUK DANGA



**EN. BOON SIN WEI**

ZON STULANG



**PN. FA'IZAH BINTI AMAT SAPAR**

ZON BAKAR BATU



**EN. SHAMSUL BIN BAKRI**

ZON TIRAM



**EN. POH PAI YIK**

ZON TAMAN RINTING



**EN. JUNID BIN ABD RAHMAN**

ZON BANDAR BARU UDA



**EN. ANDREW ERICKSON  
A/L A.H. PEREIRA**

ZON DESA CEMERLANG



**EN. TEOH ENG YOON**

ZON SETIA AUSTIN



**EN. JOHN FERNANDEZ**

ZON TAMAN ABAD



**PN. STEPHANIE WANG PEI SHI**

ZON TAMAN MOLEK



**EN. RIPIN BIN AHMAD**

ZON MOUNT AUSTIN



**EN. MOHAMAD ISA  
BIN MOHAMAD BASIR**

ZON PELANGI INDAH



**EN. SYED ABDUL HAMID  
BIN SYED ZAINAL ABIDIN**

ZON PENJAJA



**EN. KUMAR A/L DORAISAMY**

ZON KEBUN TEH

**PENGURUSAN  
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU  
2019**



**YB DATO' HAJI ADIB AZHARI BIN DAUD  
DATUK BANDAR**



**ENCIK ABDUL MALIK  
BIN HAJI ISMAIL  
SETIAUSAHA**



**Ir.HAJAH NAZATUL SHIMA  
BINTI MOHAMAD  
TIMBALAN SETIAUSAHA**



**TUAN HAJI ABDUL AZIZ  
BIN ITHNIN  
PENGARAH KHIDMAT  
PENGURUSAN**



**Ir. HAJI SULAIMAN  
BIN MOHAMAD TAIB  
PENGARAH KEJURUTERAAN**



**YBHG. DATUK TPr AFFENDI  
BIN AHAMAD  
PENGARAH PERANCANGAN**



**TUAN HAJI AZMI  
BIN HAJI MISWAN  
PENGARAH PENILAIAN**



**TUAN HAJI FADZIL BIN TALIB  
PENGARAH KEWANGAN**



**Dr. HAJAH ASLINDA  
BINTI SALIKIN  
PENGARAH KESIHATAN**



**ENCIK HAZRIN BIN AHMAD**  
PENGARAH PELESENAN



**ENCIK MUHAMMAD FAIZ  
BIN A.RAZAK**  
PENGARAH PENGUATKUASA



**TUAN HAJI ABD. JALIL  
BIN TASLIMAN**  
PENGARAH BANGUNAN



**ENCIK MOHAMAD  
KHAIRULANUAR BIN ESA**  
PENGARAH PEMBANGUNAN  
MASYARAKAT



**PUAN FADZLINA  
BINTI ABDUL MALEK**  
PENGARAH KORPORAT &  
PERHUBUNGAN AWAM



**PUAN SYAFINI  
BINTI MOHI**  
PENGARAH AUDIT



**ENCIK ABD. RAHMAN  
BIN ABDULLAH**  
PENGARAH INTEGRITI



**ENCIK MAZNIZAM  
BIN MOHD SAPUAN**  
PENASIHAT  
UNDANG-UNDANG




**PUAN NORFARAHDILAH  
BINTI NGADEMIN**  
PENOLONG PESURUJAYA  
BANGUNAN




**ENCIK ROSLI BIN YUSOP**  
KETUA UNIT PUSAT  
SETEMPAT

# CARTA ORGANISASI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



# JABATAN PENGURUSAN



## BAHAGIAN KORPORAT & PERHUBUNGAN AWAM

### PENGENALAN

Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam dahulunya dikenali sebagai Jabatan Perhubungan Awam dan Perancangan Strategik. Mulai 1 Julai 2009, jabatan ini dikenali sebagai Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam hasil penyusunan semula struktur organisasi Majlis Bandaraya Johor Bahru. Bahagian ini diketuai oleh seorang Pengarah dan diletakkan terus di bawah pengawasan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Bahagian ini mempunyai beberapa unit yang berperanan menjalankan tugas masing-masing iaitu Unit Perhubungan Pelanggan & Penerbitan, Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam, Unit Pentadbiran dan Unit Penswastaan dan Pelaburan.

### UNIT PERHUBUNGAN PELANGGAN


Unit Perhubungan Pelanggan melalui Bahagian Korporat & Perhubungan Awam menguruskan aduan awam di seluruh kawasan pentadbiran MBJB. Aduan awam merupakan salah satu tahap penilaian orang awam memberi maklum balas dan pandangan atas perkhidmatan yang telah diberikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Pengurusan aduan awam di MBJB adalah berdasarkan Sistem Pengurusan Prosedur Kualiti MS ISO 9001:2008 serta Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam (PKPA) Bil. 1/2009 iaitu Penambahbaikan Proses Pengurusan Aduan Awam. MBJB menyediakan pelbagai bentuk saluran aduan seperti telefon/*hotline*, datang sendiri/walk in, saluran media sosial seperti e-mail, facebook dan whatsapp.

#### Laporan Aduan Awam :

##### SENARAI ADUAN DITERIMA MBJB MENGIKUT JABATAN BAGI TAHUN 2019

BIL.	BUTIRAN	ADUAN		DALAM TINDAKAN		SELESAI	
		2019	(%)	2019	(%)	2019	(%)
1.	JABATAN KERJA AWAM	3,236	22.19	11	0.33	3,235	99.96
2.	JABATAN PENGANGKUTAN BANDAR	2,893	19.84	51	1.76	2,842	98.23
3.	JABATAN PENGUATKUASAAN	2,751	18.87	0	0.00	2,751	100.00
4.	JABATAN LANDSKAP	2,330	15.98	32	1.37	2,298	98.63
5.	JABATAN KESIHATAN	1,509	10.35	0	0.00	1,509	100.00
6.	JABATAN PELESENAN	549	3.77	19	3.46	530	96.54
7.	JABATAN BANGUNAN	525	3.60	23	4.38	502	95.62
8.	PESURUHJAYA BANGUNAN	352	2.41	0	0.00	352	100.00
9.	JABATAN PERBENDAHARAAN	142	0.97	0	0.00	142	100.00
10.	JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA	122	0.84	0	0.00	122	100.00
11.	JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN	114	0.78	0	0.00	114	100.00
12.	BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM	23	0.16	0	0.00	23	100.00
13.	JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT	19	0.13	0	0.00	19	100.00
14.	UNIT INTEGRITI	7	0.05	1	14.29	6	85.71
JUMLAH		14,578	100.00	139	0.95	14,439	99.05


### GRAF SENARAI ADUAN DITERIMA MBJB MENGIKUT JABATAN BAGI TAHUN 2019



### SENARAI ADUAN DITERIMA MBJB MENGIKUT 10 KATEGORI TERTINGGI BAGI TAHUN 2019

BIL.	BUTIRAN	ADUAN		DALAM TINDAKAN		SELESAI	
		ADUAN	%	DALAM TINDAKAN	%	SELESAI	%
1.	JALAN	2,623	17.68	393	14.98	2,230	85.02
2.	POKOK	2,429	16.37	26	1.07	2,403	98.93
3.	LAMPU	2,165	14.59	30	1.39	2,135	98.61
4.	TEMPAT LETAK KENDERAAN / PARKIR	1,720	11.59	4	0.23	1,716	99.77
5.	HAIWAN / SERANGGA	1,592	10.73	13	0.82	1,579	99.18
6.	PEMBERSIHAN AWAM	1,547	10.43	338	21.85	1,209	78.15
7.	PENJAJA	779	5.25	1	0.13	778	99.87
8.	BANGUNAN	712	4.80	45	6.32	667	93.68
9.	KEJIRANAN	675	4.55	9	1.33	666	98.67
10.	HALANGAN AWAM	593	4.00	39	6.58	554	93.42
<b>JUMLAH</b>		<b>14,835</b>	<b>100.00</b>	<b>898</b>	<b>6.05</b>	<b>13,937</b>	<b>93.95</b>


### CARTA PAI SENARAI ADUAN DITERIMA MBJB MENGIKUT 10 KATEGORI TERTINGGI BAGI TAHUN 2019



### STATISTIK KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN (DALAMAN)

Tahun	Indeks Skala
2010	3.20
2011	3.24
2012	3.38
2013	3.35
2014	3.41
2015	3.43
2016	3.86
2017	3.93
2018	3.97


Indeks Skala Kajian Kepuasan Hati Pelanggan Dalaman Bagi Tahun 2010 Hingga 2018



### STATISTIK KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN (LUARAN)

Tahun	Indeks Skala
2010	3.02
2011	2.82
2012	3.44
2013	3.76
2014	4.07
2015	3.60
2016	3.25
2017	3.35
2018	3.42

Indeks Skala Kajian Kepuasan Hati Pelanggan Luaran Bagi Tahun 2010 Hingga 2018



## UNIT KOMUNIKASI KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM

Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam berperanan mengendalikan lawatan penandaarasan agensi ke MBJB, pengurusan acara sempena ulang tahun organisasi, penjenamaan imej korporat, pengurusan baju korporat, manual korporat, video korporat, penyediaan takwim mesyuarat, menguruskan pameran korporat, mengemaskini carta organisasi dan pengurusan cenderamata korporat.

### Jumlah Lawatan Penandaarasan Agensi Luar ke MBJB

BULAN	BILANGAN LAWATAN
JANUARI	1
FEBRUARI	-
MAC	4
APRIL	4
MEI	-
JUN	-
JULAI	2
OGOS	-
SEPTEMBER	2
OKTOBER	4
NOVEMBER	3
DISEMBER	1
<b>JUMLAH LAWATAN</b>	<b>21</b>

## Sambutan Jubli Perak MBJB



Logo Jubli Perak MBJB

## Maksud Logo Jubli Perak MBJB

Logo diinspirasikan daripada sambutan Jubli Perak Majlis Bandaraya Johor Bahru (1994-2019). Logo ini telah dicipta oleh Encik Ahmad Sharim bin Mohamed yang berasal dari Kuala Terengganu dan merupakan pemenang bagi 'Pertandingan Mencipta Logo Sempena Sambutan Jubli Perak Majlis Bandaraya Johor Bahru'.

Warna jingga dan biru merupakan warna rasmi korporat Majlis Bandaraya Johor Bahru. Warna perak ditambah supaya menampakkan kesinambungan serta keteguhan Majlis Bandaraya Johor Bahru dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada warga bandar raya Johor Bahru selama 25 tahun.

## MBJB Rai Sambutan Jubli Perak

Bersempena sambutan Jubli Perak Majlis Bandaraya Johor Bahru, pelbagai aktiviti telah diadakan antaranya ialah Fiesta MBJB yang diadakan pada 28 Februari 2019 hingga 3 Mac 2019 di Dataran Bandaraya Johor Bahru.

Majlis Perasmian Fiesta MBJB telah disempurnakan oleh YB Dato' Dr. Mazlan bin Yusoff, Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Turut hadir, YB Dato' Haji Amran bin A. Rahman, Datuk Bandar Johor Bahru.

Antara Penganjuran Acara Sempena Sambutan Jubli Perak MBJB Tahun 2019 :

1. Malam Apresiasi Media & Pelancaran Logo Jubli Perak MBJB



2. Malam Penghayatan Islam Sempena Sambutan Jubli Perak MBJB



3. Perasmian Arca 'Zero Miles' (KM 0) Johor Bahru & Larian 'Zero Miles'



4. Majlis Perasmian Fiesta MBJB



## UNIT PENERBITAN DAN GALERI

Unit Penerbitan berperanan mengendalikan urusan pengeluaran bahan-bahan bercetak MBJB yang merangkumi penerbitan Buletin Lensa Bandar Raya JB, Laporan Tahunan, coffee table book, risalah, poster, buku cenderamata, sijil serta kad jemputan. Unit ini juga telah diberi tanggungjawab untuk mewujudkan Galeri MBJB yang memuatkan maklumat dan arkib berkenaan sejarah dan perkembangan bandar raya Johor Bahru dan juga Majlis Bandaraya Johor Bahru.

### Laporan Unit Penerbitan :

1. Menerbitkan 4 keluaran buletin tahun 2019 yang berjudul 'Lensa Bandar Raya JB'.



Buletin 'Lensa Bandar Raya JB' terbitan 2019

2. Menerbitkan Laporan Tahunan 2018 (tahun semasa) dan membuat edaran kepada agensi-agensi kerajaan yang berkenaan.



3. Mencetak buku coffee table, Yasin, kalender tahunan, kalender program Jubli Perak, diari rasmi, buku info MBJB, kad hari lahir anggota MBJB, kad nama, brosur, risalah, sijil, kad jemputan, gegantung (bunting), kain rentang (banner), latar pentas (backdrop) untuk kegunaan acara rasmi program MBJB.



4. Menguruskan pengedaran bahan-bahan penerbitan MBJB kepada Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), agensi kerajaan, senarai pihak berkuasa tempatan (PBT) lain dan kepada orang awam.

## Laporan Galeri Majlis Bandaraya Johor Bahru:

Ditubuhkan pada 21 Februari 2011 sempena kejayaan MBJB menerima pengiktirafan ‘EMPAT BINTANG’ Sistem ‘Star-Rating’ (SSR-PBT) oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada tahun 2009. Galeri ini telah dirasmikan oleh Encik Hoo Seong Chang, Pengurus Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Johor, wakil Menteri Besar Johor. Lokasinya terletak di Aras 3 Wisma JOTIC (Johor Tourist Information Centre), Jalan Ayer Molek, Johor Bahru. Galeri ini dibahagikan kepada enam bahagian mengikut segmen iaitu ‘Sejarah Johor Bahru’, ‘Keistimewaan Johor Bahru’, ‘MBJB Penguasa Tempatan Anda’ dan ‘Johor Bahru Dulu & Kini’.

Pada tahun 2017, pelawat yang hadir ke Galeri MBJB adalah seramai 100 orang, manakala pada tahun 2018, jumlah pelawat adalah 63 orang dan 40 orang pada tahun 2019.

Pelawat yang hadir berkunjung ke Galeri MBJB termasuklah dalam kalangan orang awam, pelajar institusi awam dan swasta, penyelidik, kakitangan agensi kerajaan (lawatan ke MBJB) dan pelajar sekolah.

## UNIT PENSWASTAAN DAN PELABURAN


Salah satu pecahan pendapatan hasil bukan cukai Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) adalah melalui saluran projek penswastaan yang selaras dengan objektif unit iaitu merangka program pelaksanaan dan pembangunan projek penswastaan untuk meningkatkan hasil Majlis.

Hasil kutipan projek tahun ini adalah terdiri daripada projek penswastaan secara usahasama, pemilikan ekuiti, pajakan asset, bina urus dan kendali, penyewaan dan pajakan pengurusan projek sekaligus penyumbang hasil bagi Hasil Bukai Cukai kepada MBJB.

Unjurian kutipan hasil bagi tahun 2019 adalah lebih rendah berbanding tahun 2018 iaitu berjumlah RM32,716,046.80 dan hasil yang berjaya dikutip bagi tahun ini adalah sebanyak RM10,101,548.85 (30.88%). Penurunan hasil dan peratusan adalah berikutan isu tunggakan yang tidak berjaya diatasi pada tahun ini.

**Ringkasan jumlah kutipan sebagaimana Jadual berikut:**

BIL.	BUTIRAN PROJEK	TERIMA HASIL 2019
1.	Kompleks Zon Bebas Cukai	RM1,033,520.00
2.	Kompleks City Square	RM5,125,000.00
3.	Pasar Borong Pandan	RM844,012.05
4.	Medan Selera Taman Johor Jaya	RM54,000.00
5.	Pembangunan Apartment Servis	RM0.00
6.	Pembangunan Pasar Tani Kekal (FAMA)	RM12,000.00
7.	Penyewaan Tapak - Menara Pemancar	RM1,954,560.00
8.	Penyewaan LED MBJB - Pengiklanan	RM4,000.00
9.	Penyewaan Tapak Kitar Semula	RM54,156.80
10.	Penyewaan Tapak Nurseri	RM12,000.00
11.	Hasil Pelbagai	RM1,008,300.00
<b>JUMLAH</b>		<b>RM10,010,548.85</b>



## UNIT UNDANG-UNDANG

### 1. LATAR BELAKANG ORGANISASI

(i) Unit Undang-Undang, Jabatan Pengurusan berfungsi sebagai nadi utama kepada pentadbiran dan pengurusan Majlis Bandaraya Johor Bahru dengan menguruskan hal ehwal undang-undang berkaitan Majlis termasuk memberi nasihat undang-undang, mengendalikan kes-kes sivil melibatkan Majlis, melaksanakan tindakan saman, penyediaan dan semakan kontrak & perjanjian, penguatkuasaan undang-undang dan perkara-perkara yang berkaitan dengan undang-undang.

Unit Undang-Undang dibahagikan kepada enam (6) fungsi utama yang berperanan menjalankan aktiviti-aktiviti yang ditetapkan mengikut fungsi unit iaitu:-

- (a) Pentadbiran;
- (b) Tuggakan Kompaun dan Bantuan Guaman Am (COB)
- (c) Bantuan Guaman Am (Hasil)
- (d) Pendakwaan
- (e) Perjanjian dan Bantuan Guaman Am (Penswastaan Dan Tindakan Tuntutan Sivil)
- (f) Penggubalan & Penyelarasian Penguatkuasaan Undang-undang

### 2. LAPORAN LENGKAP AKTIVITI BERDASARKAN BIDANG TUGAS

#### (i) FUNGSI : PENTADBIRAN

Menguruskan hal ehwal pentadbiran pejabat, perkhidmatan anggota, bajet & perolehan, Aset & Inventori, bekalan Buku Kompaun.

AKTIVITI	PENCAPAIAN
Bekalan Buku Kompaun	Sebanyak 56 Buku Kompaun dibekalkan kepada Jabatan/Bahagian berkaitan.

#### (ii) FUNGSI: TUNGGAKAN KOMPAUN DAN BANTUAN GUAMAN AM (COB)

##### (a) Seksyen Penguatkuasaan & Polis Bantuan

Mengendalikan urusan berkaitan aktiviti-aktiviti penyerahan saman, pelaksanaan Waran Tangkap, penyerahan notis kesalahan / tunggakan sewa / tunggakan kompaun / tunggakan cukai harta / lesen, kawalan aman sesi persidangan mahkamah, kawalan keselamatan kutipan hasil / kaunter bergerak / mesyuarat berkaitan Pesuruhjaya Bangunan / mengiringi Orang Kena Saman yang gagal membayar denda ke penjara / operasi cukai harta & operasi penguatkuasaan.

#### LAPORAN AKTIVITI TAHUNAN SEPANJANG 2019

NO.	AKTIVITI	LAPORAN
1.	<b>UNIT POLIS BANTUAN</b> Kawalan aman/ keselamatan bagi sesi persidangan di Mahkamah Majistret (Bandaraya) Johor Bahru.	48 kali
2.	Kawalan aman/ keselamatan bagi kaunter bergerak	309 kali
3.	Kawalan aman/ keselamatan bagi kaunter di Perpustakaan Sultan Ismail (PSI)	90 kali
4.	Operasi bersepadu/ Lain-lain Operasi yang melibatkan kesemua Jabatan dalaman MBJB (Penguatkuasa, Kesihatan, Perancang, Bangunan, Pelesenan dan Pesuruhjaya Bangunan).	Operasi bersepadu - 41 kali Operasi Anti-Litter - 131 kali
5.	Menyampaikan Notis, Saman, Sapina dan waran tangkap kepada Orang Kena Saman (OKS)	Notis dari Jabatan - 594 Notis Saman (ULK) - 250 saman Saman PBT Luar - 110 Saman
6.	<b>TUNGGAKAN KOMPAUN PELBAGAI</b> Mengeluarkan notis-notis tunggakan kompaun pelbagai Jabatan kompaun Pelaksana bagi tahun 2016 ke bawah.	362 Notis
7.	<b>PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)</b> Membuat ulasan dan khidmat Bantuan Guaman kepada Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB) berdasarkan dokumen yang dikemukakan (House Rule, Jaminan Bank, Majlis Sesi Dialog, dll) serta lain-lain hal yang berkaitan dengan Akta Pengurusan Strata 2013.	5 ulasan (House Rule)

## TUGASAN HARIAN ANGGOTA POLIS BANTUAN MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU BAGI TAHUN 2019



KAWALAN KESELAMATAN DAN  
KETENTERAMAN DI 'TOWN HALL'



KAWALAN KESELAMATAN &  
KETENTERAMAN KAUNTER BERGERAK



LAIN-LAIN KAWALAN KESELAMATAN DAN  
KETENTERAMAN YANG DILAKSANAKAN  
OLEH JABATAN PELAKSANA



KAWALAN KESELAMATAN & KETENTERAMAN DI  
PERPUSTAKAAN SULTAN ISMAIL (PSI)

### (iii) FUNGSI: BANTUAN GUAMAN AM (HASIL)

Fungsi Utama Bantuan Guaman Am (Hasil) ialah Melaksanakan Tindakan Undang-Undang Tuggakan Cukai Harta, Proses Pelelongan - Rampasan Penguatkuasaan, Ulasan Dan Bantuan Guaman Untuk Jabatan Penilaian (Cukai Harta Dan Pengurusan Harta), Pelaporan & Penyelarasan PS/ISO/KPI, Pemegang Fail Prosedur Kualiti Lelong, Penyediaan Draf Perjanjian & Surat Tawaran Yang Melibatkan Peniaga Dan Premis-Premis MBJB Di Bawah Bahagian Pengurusan Harta), Semakan Perjanjian Kebenaran Menduduki & Jaminan Kebenaran Menduduki, Ulasan Dan Semakan Sewa/ PKM Bagi Premis Majlis Untuk Tindakan Perundangan.

**PENYEDIAAN DAN SEMAKAN PERJANJIAN (BAHAGIAN PENGURUSAN HARTA)**

PERKARA	PERMOHONAN TERIMA	STATUS		
		LENGKAP DISEDIAKAN	PULANG SEMULA UNTUK PINDAAN	DALAM TINDAKAN
PERMOHONAN PENYEDIAAN SURAT TAWARAN, PERJANJIAN DAN JAMINAN KEBENARAN MENDUDUKI (2019)	5	3	0	2
SEMAKAN PERJANJIAN KEBENARAN MENDUDUKI (2019)	256	0	40	0
SEMAKAN JAMINAN KEBENARAN MENDUDUKI (2019)	256	0	40	0

**LAPORAN ACARA PELELONGAN BIL. 1/2019**

BIL.	PERKARA	MAKLUMAT
1.	Sesi lelongan	Bil. 1/2019
2.	Tarikh acara pelelongan	27 Januari 2019
3.	Kategori barang	Barangan sitaan kesalahan Undang-Undang Kecil Penjaja (MBJB) 2010, Undang-Undang Kecil Mencegah Kekotoran (MBJB) 1981/Pindaan 2004
4.	Bilangan lot	65 lot (barang sitaan)
5.	Jumlah hasil jualan (RM)	RM6,510.00 (Ringgit Malaysia Enam Ribu Lima Ratus Sepuluh Sahaja) bagi barang-barang sitaan.

**LAPORAN ACARA PELELONGAN BIL. 2/2019**

BIL.	PERKARA	MAKLUMAT
1.	Sesi lelongan	Bil. 2/2019
2.	Tarikh acara pelelongan	21 November 2019
3.	Kategori sitaan	Haiwan sitaan di bawah kesalahan Undang-Undang Kecil Haiwan Merayau (MBJB) 1995
4.	Bilangan lot	4 lot (haiwan sitaan)
5.	Jumlah hasil jualan (RM)	RM13,600.00 (Ringgit Malaysia Tiga Belas Ribu Enam Ratus Sahaja) bagi haiwan sitaan.




**SEKITAR ACARA LELONGAN**

(iv) FUNGSI: PENDAKWAAN

Fungsi Utama ialah melaksanakan kerja-kerja Memproses Tindakan Saman: Semakan IP Yang Dirujuk, Penyediaan Dokumen Saman, Mendapatkan Izin Tuduh TPR- Pendaftaran Kes Di Mahkamah, Pendakwaan Dan Prosiding Kes Saman Di Mahkamah, Membuat Ulasan Sebelum Tindakan Saman, Menyemak Notis-Notis Untuk Tindakan Pendakwaan, Kajian Dan Ulasan Mengenai Pendakwaan, Laporan Mingguan, Bulanan & Tahunan Pendakwaan.

**GRAF LAPORAN KES SAMAN YANG DIRUJUK,  
DIDAFTAR DAN DISEBUT/DIBICARA BAGI TAHUN 2019**



(v) FUNGSI : PERJANJIAN DAN BANTUAN GUAMAN AM (PENSWASTAAN DAN TINDAKAN TUNTUTAN SIVIL)

**Penyediaan Dan Semakan Perjanjian**

PERKARA	SELESAI	DALAM TINDAKAN
PENSWASTAAN	5	6
PERKHIDMATAN SEWA & SEL ENGGARA	8	-
SEWAAN	-	4
PENYELENGGARAAN	2	-
SERAH BALIK KURNIA SEMULA (SBKS)	7	-
NON-DISCLOSURE AGREEMENT (NDA)	3	-
MEMORANDUM / NOTA PERSEFAHAMAN	1	1
LAIN-LAIN	3	2

(vi) FUNGSI: PENGGUBALAN & PENYELARASAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

Fungsi utama pengendalian kursus & lawatan. Penyediaan bahan rujukan serta nota latihan berkaitan undang-undang mengkaji, menyemak dan menggubal undang-undang kecil, akta dan perintah-perintah lalulintas pewartaan perundangan/ pemberitahuan sekretariat jawatankuasa teknikal kajian akta & undang-undang kecil pewakilan dan penurunan kuasa dan bekalan kad kuasa sekretariat kepada jawatankuasa teknikal penguatkuasaan ulasan dan pemantauan bagi tindakan penguatkuasaan terhadap pelanggaran undang-undang mesyuarat aduan awam yang dibangkitkan di dalam mesyuarat teknikal penguatkuasaan.

1. PENGENDALIAN KURSUS, BENGKEL, TAKLIMAT DAN LAWATAN.

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TUJUAN
1.	<b>LAWATAN</b> - Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Pejabat SUK Negeri Pulau Pinang.	9-11 April 2019	Membantu Jabatan yang terlibat (Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, Jabatan Khidmat Pengurusan (Bhg Pentadbiran), Jabatan Penguatkuasaan) dan Jabatan Pengurusan (Unit Undang-undang) bagi menangani masalah tunggakan bayaran sewa bagi premis-premis dan rumah sewa Majlis serta sekali gus dapat membantu melancarkan tindakan penguatkuasaan sitaan.
2.	<b>TAKLIMAT</b> - Taklimat Penyediaan Kertas IP	15 Oktober 2019	Membantu dalam mengadakan Taklimat Kertas Siasatan (IP) bersama Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (Jabatan Pelesenan)

RAKAMAN LENSA  
LAWATAN MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG  
DAN PEJABAT SUK NEGERI PULAU PINANG.



## UNIT AUDIT DALAM MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

### PENUBUHAN

Unit Audit Dalam (UAD) Majlis Bandaraya Johor Bahru telah ditubuhkan pada tahun 2000 berdasarkan panduan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1979. Seterusnya, fungsi Audit Dalam telah dikemaskini melalui Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 2004. Selaras dengan penguatkuasaan Pekeliling Perbendaharaan 1PP mulai 3 Julai 2014, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah bersetuju menimbalguna pekeliling berkaitan pada 4 Mac 2015, yang mana peranan dan tanggungjawab Audit Dalam di Pihak Berkuasa Tempatan dinyatakan pada PS 3.1 - Pelaksanaan Audit Dalam di Kementerian atau Jabatan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Audit Dalam merupakan satu fungsi bebas, yang memberi kepastian dan khidmat perundingan secara objektif untuk menambah nilai dan mempertingkat tahap operasi organisasi.

### PENURUNAN KUASA

Audit Dalam diberi kuasa bawah Seksyen 110, 111 dan 140 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) melalui perwakilan kuasa. Tujuan perwakilan kuasa ini adalah bagi membolehkan pemeriksaan secara fizikal dibuat terhadap premis perumahan, premis perniagaan dan kawasan lapang.

Bagi mencapai matlamat kebebasan dalam menjalankan tugasnya dan menjamin keberkesanan, Audit Dalam bertanggungjawab terus kepada Y.B Datuk Bandar dan diberi kuasa secara pentadbiran untuk melihat segala rekod, baucar, daftar-daftar, wang tunai, setem, barang-barang stor dan aset-aset Majlis yang tertakluk kepada auditannya. Audit Dalam juga dibolehkan untuk mencapai atau 'access' kepada sistem komputer bagi menentukan ketepatan data sistem maklumat.

## **TANGGUNGJAWAB**

Menjalankan Audit Pengurusan merangkumi pemeriksaan terhadap sistem kewangan kawalan dalaman dan rekod kewangan untuk menentukan sama ada perbelanjaan, hasil, aset dan stor telah diurus mengikut undang-undang, peraturan dan arahan yang berkaitan. Ini adalah bertujuan untuk menentukan bahawa pembayaran-pembayaran dibuat dengan teratur dan adalah dibenarkan, hasil-hasil adalah dikenakan dan dipungut dengan betul dan aset-aset dikira dan dikawal dengan sepatutnya. Audit Pengurusan Kewangan juga menentukan sama ada sistem perakaunan dan rekod-rekod adalah sempurna dan boleh dipercayai agar pihak pengurusan atasan boleh mendapat maklumat yang tepat dan dalam masa yang singkat.

Menjalankan Audit Prestasi merangkumi penilaian terhadap aktiviti organisasi untuk menentukan matlamatnya telah dicapai dan sumber telah digunakan secara berhemat, cekap dan berkesan. Audit Prestasi merupakan pemeriksaan yang objektif dan analitikal terhadap kecekapan dan keberkesanan pengurusan dan penggunaan sumber-sumber organisasi. Fokus auditan adalah tertumpu pada aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan bagi sesuatu program atau aktiviti yang dijalankan.

## **BIDANG TUGAS**

1. Mengkaji kebolehpercayaan dan keberkesanan sistem kewangan serta kawalan dalam organisasi;
2. Mengkaji tahap pematuhan kepada segala dasar, undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuat kuasa;
3. Mengkaji aktiviti organisasi supaya diuruskan secara berhemat, cekap dan berkesan;
4. Mengkaji aset dan kepentingan organisasi supaya dilindungi dari segi kehilangan, penipuan dan penyelewengan;

5. Memberi nasihat / pandangan mengenai kawalan dalaman terhadap semua sistem termasuk sistem ICT;
6. Melaporkan kepada Y.B Datuk Bandar hasil pengauditan dan memantau tindakan susulan diambil oleh pihak jabatan terhadap perkara yang dibangkitkan;
7. Menyediakan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam untuk kelulusan Y.B Datuk Bandar; dan
8. Membentangkan Laporan Audit Dalam di Mesyuarat Jawatankuasa Audit

## **STRUKTUR ORGANISASI**

Struktur Organisasi UAD terdiri daripada 3 Seksyen iaitu Seksyen Pengurusan Kewangan merangkumi pengauditan hasil, belanja dan kontrak, Seksyen Prestasi merangkumi pengauditan prestasi, MS ISO 9001:2015 dan Audit Susulan dan Seksyen Pentadbiran. UAD diketuai oleh Pengarah Audit Dalam Gred W48 dengan jumlah perjawatan yang diluluskan melalui Surat Kelulusan Perjawatan (SKP) Bilangan 11 Tahun 2019 adalah seramai 16 orang.

## **RANCANGAN TAHUNAN**

Rancangan Tahunan Audit Dalam Tahun 2019 telah diluluskan oleh Datuk Bandar pada 15 November 2018. Selain daripada Rancangan Tahunan Audit Dalam yang telah diluluskan, auditan juga dijalankan terhadap perkara-perkara yang perlu dan mustahak apabila diarah oleh Datuk Bandar dari semasa ke semasa.

## **PEMERHATIAN DAN LAPORAN AUDIT**

Bagi aktiviti pengauditan tahun 2019, sebanyak 28 Pemerhatian Audit dan 1 Laporan Audit telah dikeluarkan. Kedudukan Pemerhatian/Laporan Audit adalah seperti berikut :

### Kedudukan Pemerhatian/Laporan Audit Tahun 2019

Bil.	Butir-Butir	Jumlah Yang Telah Dikeluarkan
<b>Pemerhatian Audit</b>		
i	Kawalan Pengurusan	-
ii	Kawalan Terimaan	2
iii	Kawalan Perbelanjaan	4
iv	Pengurusan Perolehan	5
v	Pemeriksaan Mengejut	13
vi	Kawalan Pengurusan Pelaburan	1
vii	Kawalan Pengurusan Wang Amanah & Deposit	-
viii	Kawalan Kumpulan Wang Pinjaman	2
ix.	Kawalan Aset, Stor & Kenderaan	1
<b>Jumlah</b>		<b>28</b>
<b>Laporan Audit</b>		
i	Pengurusan Lesen Premis Perniagaan & Iklan Dobi Dalam Kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru	1
<b>Jumlah</b>		<b>1</b>

### MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT

Pada tahun 2019, Jawatankuasa Audit telah bersidang sebanyak empat (4) kali bagi membentangkan laporan dan pemerhatian audit. Pelaksanaannya telah mematuhi kehendak pekeliling yang mana mesyuarat perlu dilaksanakan pada setiap suku tahun. Butiran kekerapan adalah seperti Jadual di bawah :

Bil.	Mesyuarat JKA	Tarikh Mesyuarat	Tarikh Edaran Minit Mesyuarat	Bilangan Laporan Dibentang
i	Bil. 1/2019	29.4.2019	21.5.2019	2
ii	Bil. 2/2019	28.7.2019	5.8.2019	2
iii	Bil. 3/2019	29.10.2019	13.11.2019	3
iv	Bil. 4/2019	21.1.2020	5.2.2020	4

Kesemua pemerhatian dan laporan audit yang dikeluarkan oleh Unit Audit Dalam telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit. Isu-isu dan pemerhatian yang 'material' telah dibincangkan dengan jelas dan menyeluruh bagi memastikan tindakan susulan diambil oleh audit (Ketua Jabatan) yang terlibat terhadap isu yang dibangkitkan.

## BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)

### A- PENGENALAN BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah dilantik sebagai Pesuruhjaya Bangunan dan telah diwartakan melalui perisytiharan Warta J.P.O 24 & J.P.O 25 bertarikh 13 September 2007. Melalui pewartaan ini, fungsi MBJB di Bahagian Pesuruhjaya Bangunan tertumpu untuk mengawal selia kesempurnaan penyenggaraan dan pengurusan harta bersama bangunan bertonjat dalam kawasan pentadbirannya. Bahagian Pesuruhjaya Bangunan juga merupakan pihak yang akan mengesahkan dan mengeluarkan sijil kepada badan yang ditubuhkan di bawah Akta 663 iaitu Badan Pengurusan Bersama (Joint Management Body) .

### B- SENARAI TUGAS UTAMA PESURUHJAYA BANGUNAN

1. Menyediakan inventori kawasan pemajuan.
2. Memastikan pelaksanaan dan penguatkuasaan Akta 757 dan Bahagian VI dan VII Akta 318.
3. Menyelaraskan aduan-aduan berkaitan pengurusan/pentadbiran JMB/JMC/MC, kewangan dan akaun, penyenggaraan bangunan dan harta bersama.
4. Membantu dalam menjalankan pendakwaan dan penguatkuasaan.

### C- Pegangan Harta Berstrata / Bertingkat

Data kawasan pemajuan harta strata meningkat setiap tahun. Sehingga Disember 2019, terdapat 1,076 kawasan pemajuan harta berstrata telah dikenalpasti berada di bawah pentadbiran MBJB. Jumlah unit/petak yang terdapat dalam kawasan pemajuan tersebut dianggarkan berjumlah 164,487 petak yang merangkumi unit kediaman dan perdagangan.

**Jadual 1 : Bilangan Petak Harta Strata Mengikut Zon MBJB Bagi Tahun 2015 Sehingga 2019**

TAHUN	ZON MBJB				JUMLAH KESELURUHAN
	BANDAR	TEBRAU	PULAI	PLENTONG	
2015	33,419	23,612	6,429	25,710	89,170
2016	47,090	36,010	6,591	39,152	128,843
2017	48,685	40,958	6,364	41,198	137,205
2018	54,941	47,003	6,757	41,374	150,075
2019	60,288	51,928	6,757	45,514	164,487



Carta 1 menunjukkan bahawa bilangan petak kawasan pemajuan bertambah setiap tahun dari tahun 2015 hingga tahun 2019. Peratusan peningkatan ini dapat dilihat di antara tahun 2015 hingga 2019 bagi Mukim Bandar sebanyak 80%, Mukim Tebrau sebanyak 120%, Mukim Pulai sebanyak 5% dan Mukim Plentong sebanyak 77%.

**Jadual 2 : Bilangan Kawasan Pemajuan Strata Mengikut Zon MBJB Bagi Tahun 2015 Sehingga 2019**

TAHUN	ZON MBJB				JUMLAH KESELURUHAN
	BANDAR	TEBRAU	PULAI	PLENTONG	
2015	104	99	89	185	477
2016	138	524	92	104	858
2017	147	614	92	106	959
2018	159	638	95	114	1,006
2019	164	693	97	122	1,076

**Carta 2 : Kawasan Pemajuan Strata mengikut Zon bagi Tahun 2015 hingga 2019**



**Carta 3 : Perbandingan Kawasan Pemajuan Berdasarkan Bilangan Petak Mengikut Zon Bagi Tahun 2015 & 2019**



## STATUS PENGURUSAN

Status pengurusan harta strata ditentukan berdasarkan status permohonan strata yang dikemukakan oleh pemilik asal / pemaju kepada Pejabat Tanah Dan Galian (PTG) Negeri Johor sebagaimana berikut :

- Bagi kawasan pemajuan yang siap sebelum 12 April 2007 (tarikh kuatkuasa Akta 663) tetapi permohonan strata belum dibuat, pihak COB perlu memastikan bahawa Badan Pengurusan Bersama - *Joint Management Body* (JMB) ditubuhkan bagi kawasan pemajuan tersebut. Dalam masa yang sama, permohonan strata perlu dimohon oleh pemilik asal / pemaju dan apabila pindahmilik strata mencapai 25%, maka pemilik asal / pemaju perlu memanggil mesyuarat pertama bagi penubuhan Perbadanan Pengurusan - *Management Corporation* (MC). JMB akan terbubar secara rasminya tiga (3) bulan selepas mesyuarat pertama MC.
- Bagi kawasan pemajuan yang telah memohon strata sebelum penguatkuasaan Akta 663, pihak COB perlu pastikan pemilik asal / pemaju memanggil mesyuarat bagi penubuhan MC apabila pindahmilik strata mencapai 25%.
- Akta 757 telah dikuatkuasakan pada 1 Jun 2015. Pihak COB perlu memastikan bahawa :-
  - Jika milikan kosong diserahkan sebelum permulaan kuatkuasa Akta, tidak lewat daripada dua belas bulan dari tarikh permulaan kuatkuasa Akta; atau
  - Jika milikan kosong diserahkan selepas permulaan kuatkuasa Akta, tidak lewat daripada dua belas bulan dari tarikh penyerahan milikan kosong.

**Jadual 3 : Status Pengurusan Bangunan Berstrata Mengikut Kawasan Pemajuan**  
Bagi Tahun 2015 Hingga Disember 2019

STATUS PENGURUSAN	BILANGAN KAWASAN PEMAJUAN				
	2015	2016	2017	2018	2019
JMB	52	87	86	116	120
MC	136	149	149	148	170
PEMAJU	91	540	625	564	783
TIDAK DAPAT DITUBUHKAN	198	82	99	178	3
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>477</b>	<b>858</b>	<b>959</b>	<b>1,006</b>	<b>1,076</b>

**Jadual 4 : Status Pengurusan Bangunan Berstrata Mengikut Bilangan Petak**  
Bagi Tahun 2015 Hingga Disember 2019

STATUS PENGURUSAN	BILANGAN KAWASAN PEMAJUAN				
	2015	2016	2017	2018	2019
JMB	15,222	27,165	25,844	48,663	62,280
MC	29,783	35,064	36,011	34,871	42,686
PEMAJU	41,709	64,175	72,877	65,424	58,754
TIDAK DAPAT DITUBUHKAN	2,456	2,439	2,473	1,117	767
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>89,170</b>	<b>128,843</b>	<b>137,205</b>	<b>150,075</b>	<b>164,487</b>



Sehingga Disember 2019, daripada 164,487 kawasan pemajuan, 290 kawasan pemajuan atau kira-kira 63.81% daripada jumlah keseluruhan kawasan pemajuan telah berjaya menujuhan badan pengurusan sendiri iaitu sama ada JMB atau MC. Manakala selebihnya iaitu kira-kira 783 kawasan atau 35.72% kawasan pemajuan masih dalam pengurusan pemaju termasuk kawasan pemajuan baru yang belum mendapat CCC dan 3 kawasan atau 0.47% kawasan pemajuan tidak dapat ditubuhkan disebabkan pemaju mengalami kebankrakan dan tidak dapat dikesan. Selain itu, peningkatan kawasan pemajuan strata di bawah pengurusan pemaju disebabkan pemajuan yang melibatkan Rumah Bandar atau lebih dikenali sebagai Townhouse.

## D- STATISTIK PEMFAILAN JADUAL PETAK

### Pengenalan Jadual Petak

Jadual Petak merupakan satu dokumen kawalan penting yang perlu disediakan oleh Jurukur Tanah Berlesen (JTB) bagi memastikan hasrat kerajaan untuk menjadikan transaksi di antara pihak pemaju dan pembeli itu telus serta memastikan hak milik strata dikeluarkan serentak dengan pemilikan kosong (vacant possession).

### STATISTIK PEMFAILAN JADUAL PETAK KEPADA BAHAGIAN COB BAGI TAHUN 2018

MUKIM	BILANGAN PETAK
JOHOR BAHRU	16,014
PULAI	608
TEBRAU	6,359
PLENTONG	7,615
<b>JUMLAH</b>	<b>30,596</b>



### STATISTIK PEMFAILAN JADUAL PETAK KEPADA BAHAGIAN COB BAGI TAHUN 2019

MUKIM	BILANGAN PETAK
JOHOR BAHRU	14,297
PULAI	1,133
TEBRAU	13,716
PLENTONG	2,702
<b>JUMLAH</b>	<b>31,848</b>



## E- PENYELARASAN ADUAN

Bahagian COB turut berperanan sebagai penyelaras aduan berkenaan pengurusan bangunan strata yang diterima dari pemilik petak, pemaju dan badan pengurusan. COB akan bertindak sebagai perantara dalam pertikaian yang berkaitan dengan Akaun Penyenggaraan Bangunan (APB) dan hal-hal pengurusan harta bersama.

Sehingga Disember 2018, sebanyak 1,394 aduan dari pelbagai pihak berkaitan pengurusan bangunan strata telah pun diterima.

Terdapat 6 aduan utama berkenaan pengurusan bangunan berstrata iaitu ;

- i) Aduan berkenaan mesyuarat pertama JMB dan pemilihan AJK.
- ii) Aduan berkenaan pentadbiran dan pengurusan Pemaju / Badan / Ejen.
- iii) Aduan berkenaan penyenggaraan dan kerosakan bangunan dan harta bersama.
- iv) Aduan berkenaan isu kewangan termasuk caj penyenggaraan bangunan, kumpulan wang penyenggaraan bangunan, kumpulan wang penjelas dan Akaun Penyenggaraan Bangunan.

v) Aduan untuk mendapatkan khidmat nasihat dan pandangan COB.

vi) Aduan melibatkan penguatkuasaan COB di bawah peruntukan Akta dan lain-lain.

#### F- AKTIVITI COB TAHUN 2019



Seminar Pengurusan Strata 2019  
anjuran Bahagian COB dengan kerjasama PEPAM  
pada 27 Januari 2019



Peserta Seminar / Wakil daripada Bahagian COB dan Jabatan Penilaian MBJB ke Seminar Percukaian dan Pengurusan Strata di Jakarta 2019 anjuran Persatuan Pegawai Penilaian Pihak Berkuasa Malaysia (PEPAM)



Penglibatan Bahagian COB di Fiesta MBJB 2019  
sempena sambutan Jubli Perak MBJB



Lawatan Tapak di Plot 3 & Plot 4, Country Garden Danga Bay bersama pihak Pejabat Tanah & Galian (PTG), Jabatan Ukur & Pemetaan (JUPEM) dan Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB), MBJB berhubung isu hak milik strata

## UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)

### MATLAMAT

Memendekkan norma masa memproses permohonan secara serentak sekali gus meningkatkan sistem penyampaian, prosedur dan proses cadangan pemajuan di Majlis Bandaraya Johor Bahru.

OBJEKTIF		
Menyelaras	Memudahcara	Penyeragaman
Menyelaras dan mempercepatkan proses kelulusan permohonan Pembangunan Tanah, Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan.	Memendekkan norma masa dan memudah cara proses permohonan	Menyeragamkan prosedur dan proses permohonan-permohonan pemajuan dengan mengambilkira peruntukan-peruntukan di bawah: <ul style="list-style-type: none"><li>- Kanun Tanah Negara 1965 (KTN 56)</li><li>- Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan</li><li>- Akta Parit, Jalan dan Bangunan 1974 (Akta 133)</li></ul>



